

RASUL TAULADAN UMMAT

Oleh :

S.S Dato' Abdul Majid bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

(Surah al-Baqarah : 21)

Maksudnya: “ Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah itu model ikutan yang baik, iaitu yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat. Serta dia pula banyak menyebut dan mengingat Allah.

Allah melantik Rasul untuk menyampaikan seruan Allah kepada manusia dan rasul juga sebagai pemimpin ke jalan yang diredhai Allah. Bila dikatakan sebagai utusan dan pemimpin tentulah dia mempunyai sifat yang perlu dijadikan ikutan atau tauladan kepada kita sebagai umatnya.

Dalam ayat 21 surah al-Ahzab nabi Muhammad sebagai (ASWATUL HASANAH) tauladan atau model ikutan yang baik.

Dari sudut manakah Rasulullah itu menjadi model kita?

Adakah memadai kita ikut nabi dari segi pakaian baju atau jubahnya atau dari segi serbannya atau dari segi janggutnya.

Atau adakah memadai kita ikut dari segi ibadat solatnya, puasa Ramadhannya atau hajinya sahaja?

Menurut para sahabat dan para ulama' merumuskan bahawa Rasulullah itu menjadi model atau ikutan kita dari 3 sudut :

1. Perkataan Rasulullah

Hadis :

Maksudnya : tiada cakap bohong, menghina, menyakitkan hati, membuka rahsia termasuk rahsia kerajaan dan memfitnah. – memberi petunjuk, ingatan, nasihat baik, merendah diri, cakap benar, selalu bersyukur dan berzikir.

2. Perbuatan Rasulullah

Tiap yang baik nabi buat dahulu. Contoh hadis :

Sebelum mengajar umatnya solat, dia solat terlebih dahulu kemudian menyuruh dicontohi.

Sebagai suami : tanggungjawab feqah zahir batin, kasih sayang, tolak ansur dan menjada perasaan.

Sebagai umat : sebelum solat sof diluruskan dan selepas solat beri nasihat.

Ketua Negara : adil, bertanggungjawab, tulus, toleransi pelbagai agama, tegas membanteras maksiat dan terima pandangan ramai.

Panglima perang : berani, tegas, yakin dan tawakal.

Sebagai anggota masyarakat : bergotong royong membina tembok perang hondak, memasak makanan dan membina masjid.

Melaksanakan ibadat khusus : solat 5 waktu, puasa Ramadhan, zakat dan haji.

3. Dari segi akhlak Nabi

Hadis :-

Manis muka, tersenyum dan pemaaf.

Ziarah orang sakit, menghantar jenazah ke kubur.

Rasulullah memperkenalkan pendidikan itu bermula dari peringkat kanak-kanak.

Ajarkan anak kamu 3 perkara :-

1. Mencintai nabi kamu
2. Mencintai kaum keluarganya.
3. Membaca al Quran

Kita disuruh mengajar anak kita mencintai nabi, kasih kepada nabi supaya dapt ikut apa perintah nabi, iut kata nabi, perbuatan dan akhlak.

Bila kita sudah dewasa, nabi suruh kita hormati ibu bapa kita.

Berbuat baik kamu kepada kedua ibu bapa kamu, nescaya anak-anak kamu berbuat baik kepada kamu.

Ikutlah kata-kata, perbuatan dan akhlak Rasulullah.

Kita ikut Rasulullah dalam semua perkara.

- ❖ Bukan ikut pakaian, tetapi akhlak seperti nabi
- ❖ Bukan Sunnah sahaja, poligami tetapi memikirkan keadilan
- ❖ Bukan setakat solat, Qiamullail, puasa sunat sahaja tetapi hati mesti baik, hormat jiran, pelihara kasih sayang antara sesama islam

Maka kita hendakkan kesejahteraan Negara dan keredhaan Allah serta kasih sayang Allah di dunia dan akhirat :-

Maka kita mesti contohi Rasulullah dalam semua perkara.